

Penulisan Kreatif sebagai Kaedah Regulasi Emosi dan Pembentukan Kecerdasan Spiritual dalam Kalangan Mahasiswa

Creative Writing as a Method of Emotional Regulation and the Development of Spiritual Intelligence Among University Students

MAWAR SAFEI*, MAIZATUL HAIZAN MAHBOB & SUZANA MOHD HOESNI

ABSTRAK

Dari sudut pandang psikologi perkembangan, remaja berdepan dengan pelbagai tahap konflik untuk memilih emosi terbaik dalam situasi yang rencam. Anjakan masa dan latar dari tahap kanak-kanak melintasi dewasa, merupakan satu fasa yang luar biasa genting dan sangat memberi dampak terhadap masa hadapannya. Maka fasa ini perlu didukung bukan sahaja sisi sosial, intelektual malah yang lebih utama adalah spiritual. Tulisan ini merungkai peranan intelektual menerusi kegiatan penulisan kreatif untuk membantu remaja (mahasiswa) melakukan regulasi emosi khususnya melalui gubahan cerpen. Pembentukan watak fiktif yang bertindakbalas terhadap konflik yang bergerak di atas garis plot cerpen, rata-rata mewakili proses penataan diri saat berdepan dengan permasalahan. Seramai 64 responden terlibat yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menggunakan Model Kecerdasan Emosi Goleman (1998) dan Noriah et al. (2004) bagi membentuk intisari soal selidik. Sebanyak tujuh dimensi kecerdasan emosi dan spiritual dikaji, iaitu kesedaran diri, regulasi/pengurusan emosi, motivasi diri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan. Hasil kajian menemukan kecerdasan emosi dan spiritual mahasiswa berada pada tahap tinggi. Ia termasuk tahap regulasi emosi mereka. Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan positif signifikan yang kuat antara kecerdasan spiritual dengan kecerdasan emosi. Begitu juga kecerdasan spiritual dengan regulasi emosi. Ini bermakna bahawa kecerdasan spiritual mahasiswa boleh mempengaruhi regulasi emosi dan kecerdasan emosi mereka. Implikasinya, adalah penting kecerdasan spiritual dipupuk bagi melahirkan mahasiswa dengan kecerdasan emosi yang baik. Menariknya, ia mengarah pembentukan kemahiran mencipta watak, latar, plot, sudut pandang dan gaya bahasa yang dapat menyalurkan emosi yang baik dan mampu menilai semula konflik yang dibangunkan dalam narasi sesebuah cerpen.

Kata kunci: Regulasi emosi; kecerdasan spiritual; kecerdasan emosi; penulisan kreatif; cerpen

ABSTRACT

From the perspective of developmental psychology, adolescents face various stages of conflict in choosing the best emotions in complex situations. The transition from childhood to adulthood is an extremely critical phase that significantly impacts their future. Therefore, this phase needs to be supported not only socially and intellectually, but more importantly, spiritually. This article explores the role of intellectual engagement through creative writing activities to help adolescents (university students) regulate their emotions, particularly through short story composition. The development of fictional characters responding to conflicts along the short story's plot typically represents the process of self-regulation. Participation involves 64 students from Universiti Kebangsaan Malaysia. The study used the Emotional Intelligence Model by Goleman (1998) and Noriah et al. (2004) to form the survey. Seven dimensions of emotional and spiritual intelligence were examined: self-awareness, emotional regulation, self-motivation, empathy, social skills, spirituality, and maturity. It discovered that the emotional and spiritual intelligence of the students was at a high level, including their emotional regulation. Correlation analysis revealed a strong positive relationship between spiritual intelligence and emotional intelligence, as well as between spiritual intelligence and emotional regulation. This means that the students' spiritual intelligence influenced their emotional regulation and emotional intelligence. The implication is that it is important to cultivate spiritual intelligence to produce students with good emotional intelligence. Interestingly, this also leads to the development of skills in creating characters, settings, plots, point of view, and stylistic that can channel positive emotions and reassess the conflicts developed in a short story's narrative.

Keywords: emotional intelligence; emotional regulation; spiritual intelligence; creative writing; short story

PENGENALAN

Selain daripada keperluan kecerdasan intelektual (IQ, *intellectual quotient*) mahupun kecerdasan pelbagai (MQ, *multiple quotient*), ternyata kecerdasan emosi (EQ, *emotional quotient*) sangat mustahak dikuasai remaja sebagai jalan menuju pembentukan diri dewasa (Santrock 2022; Dumontheil 2016). Sedang dalam perjalanan memiliki kecerdasan emosi itu pula, sangat dipertimbangkan untuk remaja (dalam konteks kajian ini mahasiswa) dapat menyelenggara, menangani atau meluahkan emosi dengan kaedah yang sihat. Mereka memerlukan kemahiran dalam membentuk regulasi emosi (ER, *emotional regulation*) (Morris et al., 2017; Gim & Nor 2012). Regulasi emosi adalah sebahagian daripada bentuk kecerdasan dengan tumpuan dalam mengawal dan mengurus emosi sendiri. Kecerdasan emosi sifatnya lebih komprehensif, ia bukan sahaja merangkumi proses regulasi tetapi juga keupayaan untuk memahami dan mempengaruhi emosi orang lain serta membina hubungan yang positif.

Nasipho Hani (2024) menanggapi bagaimana karya sastra dapat menjadi satu kaedah malah terapi untuk “merawat” tekanan yang tercetus daripada emosi. Kajian ini memanfaatkan aktiviti penulisan kreatif genre cerpen bagi mendapatkan mekanisme untuk remaja mengenalpasti emosi yang mereka depanti. Bagaimana dengan kemahiran mencipta watak/perwatakan, latar, plot, sudut pandang dan gaya bahasa, remaja dapat menyalurkan emosi mereka. Malah mereka dapat mempertimbangkan kaedah terbaik seperti penilaian semula (*reappraisal*) terhadap persoalan atau konflik yang dibangunkan dalam plot narasi cerpen. Remaja akan memilih emosi watak (yang diwakilinya) dengan padanan kemahiran kognitif (*cognitive appraisal*) bagi mengubah stimulus atau situasi yang mewujudkan emosi tertentu (Goldin et al., 2014). Kecerdasan emosi mahasiswa dapat dirungkai dan bagaimana pula kemudiannya ia turut dapat ditinjau kehadiran kecerdasan spiritual. Seramai 13 orang mahasiswa menyertai bengkel penulisan berkenaan dengan bimbingan seorang penulis cerpen yang berpengalaman, iaitu Salina Ibrahim. Menerusi sesi bimbingan selama dua hari, Salina Ibrahim memberikan beberapa panduan untuk membangunkan watak-watak dengan gandingan personaliti atau peribadi positif ketika menghadapi kekangan khasnya yang terhubung dengan emosi atau membuat keputusan.

Dari sudut pandang psikologi perkembangan, tahap remaja (dalam tulisan ini merujuk mahasiswa) berdepan dengan pelbagai pertelingkahan atau konflik untuk memilih emosi terbaik dalam situasi yang rencam. Anjakan masa dan latar dari tahap kanak-kanak melintasi dewasa, merupakan satu fasa yang luar biasa genting dan sangat memberi dampak besar terhadap masa hadapannya. Maka fasa atau tingkat ini perlu didukung banyak pihak bukan sahaja sosial, intelektual malah selebihnya spiritual. Tulisan ini cuba merungkai peranan intelektual menerusi kegiatan penulisan kreatif untuk membantu remaja menata emosi mereka khasnya melalui gubahan cerpen.

Menerusi *Himpunan dan Ulasan Cerpen* (2021), Mawar Safei mengajukan cerpen yang pernah diterbitkan dalam majalah *Dewan Siswa* bersama-sama ulasan. Setiap cerpen dianjurkan kaedah menulis cerpen termasuk perihal mendapatkan ilham, menggerakkan plot, membangunkan watak dan perwatakan serta memastikan langgam bahasa yang dipelihara. Tulisan mereka berserta ulasan cerpen masing-masing dapat dijadikan panduan bagaimana pengaturan watak dan emosi mereka ketika berhadapan dengan konflik di atas garis plot yang dirancang. Beberapa kaedah ini dapat ditinjau bagaimana peserta bengkel penulisan mengendalikan watak-watak ciptaan mereka berdasarkan pertimbangan emosi masing-masing. Begitu juga mengkhusus kepada kelompok profesional yang menulis cerpen seperti doktor, jurutera dan saintis, watak-watak dari lapangan masing-masing dipersembahkan dengan ragam kecerdasan emosi dan bagaimana rentak regulasi

emosi yang mereka tempuh (Mawar Safei, Kamariah Kamarudin 2021; Puspitoningrum et al. (2024).

Buku berkaitan emosi juga dirujuk untuk mengenal pasti trait emosi dan bagaimana ia mempengaruhi kognitif dan tingkah laku seseorang. Antaranya ialah tulisan Ary Ginanjar (2001) dan Hawkins (2014) tentang falsafah pembangunan emosi dan spiritual serta bagaimana ia menentukan sikap dan tingkah laku manusia. Lanjutan daripada itu adalah tanggapan tentang pembentukan peribadi yang terhormat dapat dibangunkan dari kedua-dua kecerdasan emosi dan spiritual seperti yang ditangani Agustriani, Fauziyah (2022) dan juga Sumbula, Pahlawati (2022). Banyak kajian mengaitkan kecerdasan emosi dan spiritual dengan sikap dan tingkah laku. Kajian Noor Afzaliza, Maizatul Haizan (2021) mendapati kecerdasan emosi, iaitu kesedaran sendiri, motivasi diri dan kerohanian memberi sumbangan yang signifikan ke atas keterampilan peribadi para pelajar. Kajian oleh Shariffah Hanim & Maizatul Haizan (2023) turut mendapati kecerdasan emosi mempengaruhi secara signifikan keberkesanan komunikasi dan prestasi kerja kakitangan badan penguatkuasa sektor awam. Sementara kajian Fatin Adha et al. (2020) mendapati kesukaran meregulasi emosi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen. Tingkah laku ini sering dikaitkan dengan kecerdasan emosi yang rendah. Dalam kajian Nazira Sadiron et al (2023) mendapati salah satu elemen kecerdasan emosi iaitu kawalan sendiri, mempengaruhi tahap keparahan penagihan. Tingkah laku berkaitan bunuh diri dalam kalangan remaja juga dikaitkan dengan kecerdasan emosi dan spiritual. Remaja yang berdepan dengan tekanan psikologi yang tinggi mempunyai kecenderungan yang lebih untuk mencederakan diri (Anish Yusrie et al., 2022). Justeru akhlak yang baik adalah cerminan emosi dan spiritual yang cerdas. Bagi pesalah juvana, program pemulihan akhlak yang mendasari prinsip kecerdasan emosi dan spiritual adalah penting bagi membentuk individu yang cemerlang dari aspek nilai peribadi, tingkah laku, pendidikan dan jasmani mereka (Hezzrin et al., 2023). Bagi membentuk kecerdasan dengan meregulasikan emosi, maka individu perlu dilatih dan dibangunkan dengan kecerdasan spiritual berterusan. Menurut Farah Hamizah dan Haziyah (2023), pendidikan spiritual wajar diberi perhatian kepada anak jalanan kerana ia memberi kekuatan dalaman untuk mereka mengubah diri dan keluar dari kitaran kehidupan sedia ada. Anak jalanan dilihat menghadapi konflik keluarga dan keciciran dalam pendidikan, justeru mengalami penurunan motivasi dan masalah kestabilan emosi.

Daripada huraian beberapa kajian lepas tersebut, jelas menunjukkan bahawa meregulasi emosi adalah penting pada diri seseorang khususnya remaja. Untuk menuju kesempurnaan insan, kecerdasan emosi harus didukung kecerdasan spiritual supaya manusia matlamat kehidupan mereka. Justeru, kecerdasan emosi adalah penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku manusia. Hal ini akan dilihat dalam konteks pembinaan watak oleh peserta bengkel dan sejauh mana watak tersebut mempengaruhi mahasiswa dalam mengatur emosi mereka.

Tulisan terkini tentang bagaimana kesusasteraan dapat menjadi penawar kepada emosi berat seseorang misalnya apabila berdepan dengan trauma. Nosipho Hani (2024) menerusi bukunya, *Healing Through Literature* yang menyediakan sumber yang berkuasa untuk individu yang berusaha untuk menyembuhkan trauma mereka melalui kesusasteraan. Penulisan Hani ini berdasarkan kegiatan ahli kelab buku yang bertujuan mewujudkan ruang yang melindungi dan mendukung mereka yang mengalami pelbagai bentuk trauma. Buku kerja interaktif ini akan membawa sesiapa sahaja yang menguasainya dalam perjalanan transformatif dengan menyediakan peta ke laluan penyembuhan, memupuk pertumbuhan peribadi dan daya tahan. Ia menawarkan pelbagai latihan, dorongan dan refleksi yang dibuat dengan teliti yang menggalakkan introspeksi dan penyembuhan yang mendalam. Tema yang dibawa sepanjang buku kerja sangat terhubung

dengan pemilihan buku oleh ahli kelab. Buku kerja ini menyediakan pembaca peralatan dan strategi praktis yang merujuk bahan kesusasteraan untuk memandu dan menuntun halangan dalam berdepan dengan trauma. Kajian ini terkait dengan meletakkan hubungan yang ampuh antara emosi intelektual dalam penukangan sesebuah tulisan sepertimana pengubahan karya kreatif (Castillo et al., 2019).

Berdasarkan isu dan kajian lepas berkaitan penulisan kreatif dan kecerdasan emosi, maka kertas ini bertujuan untuk memahami bagaimana kecerdasan emosi dan spiritual mahasiswa dapat membantu mereka membentuk kemahiran mencipta watak, latar, plot, sudut pandang dan gaya bahasa seterusnya menyalurkan emosi yang baik dan mampu menilai semula konflik yang dibangunkan dalam narasi sesebuah cerpen. Bagi tujuan tersebut, objektif pertama kertas ini adalah cuba mengenalpasti tahap kecerdasan emosi dan spiritual mahasiswa, termasuk regulasi emosi mereka. Objektif kedua adalah mengukur hubungan kedua-dua kecerdasan ini bagi menentukan sejauh mana kecerdasan spiritual berhubung secara signifikan dengan kecerdasan emosi. Manakala objektif ketiga, untuk memahami bagaimana kedua-dua kecerdasan ini membantu mahasiswa membentuk kemahiran mencipta watak, latar, plot, sudut pandang, gaya bahasa dan penilaian semula konflik dalam narasi sesebuah cerpen. Penghasilan karya ini lebih bersifat metaforikal terhadap emosi pelajar.

METODOLOGI

Satu kajian lapangan berupa bengkel penulisan diadakan selama dua hari (Sabtu dan Ahad), dihadiri responden dari kalangan mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu seramai 13 orang. Syarat penyertaan adalah peserta mempunyai minat menulis dan ada karya awal yang dibawa dan dibincangkan semasa bengkel. Latar dan watak karya adalah dari bidang pengajian masing-masing seperti sejarah, ekonomi, sastera, bahasa Melayu, geografi dan psikologi. Pembimbing berperanan untuk mendorong peserta merapikan watak dan konflik dalam gubahan cerpen mereka berdasarkan kaedah regulasi emosi. Ia merupakan proses bawah sedar, bagaimana mahasiswa bertindak dan memperhitungkan cara mereka mengurus emosi.

Selain peserta bengkel, kajian ini turut melibatkan 83 mahasiswa yang mengambil kursus SKMM1043 Cerpen Melayu pada semester 2 sesi 2023/2024. Menerusi bengkel, peserta dibimbing untuk merapikan cerpen yang mereka hasilkan dengan memasukkan watak dan perwatakan yang banyak mempertimbangkan aspek kecerdasan emosi dan spiritual dalam tindakan. Peserta dibekalkan dengan pengetahuan bagaimana penataan emosi dapat dilakukan dengan berkesan dengan memperhitungkan pelbagai belahan kecerdasan emosi, intelektual dan spiritual. Sementara dalam tugas kursus SKMM1043 Cerpen Melayu, mahasiswa menjalankan penelitian ke atas beberapa sasterawan mapan dalam pencerpenan Melayu. Mereka meninjau bagaimana mauduk kecerdasan emosi dan spiritual dihadirkan pengarang dalam cerpen yang digubah. Sebagai pembaca dan peneliti, mahasiswa juga dapat belajar untuk mengenali aneka emosi dan bagaimana menanganinya. Mereka dibahagikan dalam lapan kumpulan dan menumpukan pemerhatian terhadap lapan orang sasterawan beberapa dekad seperti Munir Ali (40-an), Keris Mas (50-an), S. Othman Kelantan (60-an), Baharudin Kahar (70-an), Osman Ayob (80-an), Azmah Nordin (90-an) dan kelompok mutakhir seperti Salina Ibrahim dan Fahd Razy. Di tangan para pengarang ini, banyak yang dapat mengasuh mahasiswa untuk menjalinkan watak dan perwatakan yang positif dalam penukangan karya seperti cerpen. Mereka mempelajari kaedah merawat emosi dengan

pendekatan yang lebih sihat. Malah lebih awal dalam genre hikayat juga banyak perihal “rasa” dan “emosi” dapat ditinjau (Muhammad Nor Sahfiq Amran, Mas Rynna Wati Ahmad, 2021)

Dua kumpulan ini kemudiannya menjadi responden kepada kaedah tinjauan secara soal selidik dalam kajian ini. Sebanyak 64 set soal selidik berjaya dianalisis. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi dan spiritual responden serta menentukan sejauh mana kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan kecerdasan spiritual mereka. Maklumat ini penting untuk diketahui supaya ia dapat memberi penjelasan bagaimana responden mengendalikan emosinya menerusi watak ciptaan mereka dalam penulisan cerpen. Pembentukan item soal selidik adalah merujuk kepada Model Kecerdasan Emosi Goleman (1998) dan Noriah et al. (2004). Goleman menggariskan lima dimensi kecerdasan emosi, iaitu kesedaran diri, pengurusan emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Manakala Noriah et al. menambah dua dimensi lain, iaitu kerohanian dan kematangan. Bagi tujuan penerbitan kertas ini, hanya data kuantitatif melalui tinjauan yang dibincangkan. Justeru perbincangan kajian lebih tertumpu kepada mengenal pasti tahap kecerdasan emosi khususnya regulasi emosi mahasiswa terlibat dan sejauh mana kecerdasan tersebut mempunyai hubungan dengan kecerdasan spiritual mereka.

HASIL KAJIAN

Data tinjauan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif bagi melihat latar belakang responden, serta min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap persepsi responden terhadap kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual mereka. Dua kumpulan mahasiswa iaitu yang menghadiri bengkel penulisan kreatif (cerpen) dan mereka yang mengambil kursus SKMM1043 Cerpen Melayu dalam semester 2 Sesi pengajian 2023/2024 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, diambil sebagai responden. Analisis korelasi pula dilakukan untuk melihat hubungan setiap dimensi kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual. Selain itu, hubungan kecerdasan emosi secara keseluruhan (gabungan kesemua dimensi kecerdasan emosi) dengan kecerdasan spiritual turut dianalisis bagi melihat sejauh mana kuatnya hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Regulasi emosi atau pengurusan emosi (salah satu dimensi dalam kecerdasan emosi) lebih diberi tumpuan dalam kajian ini kerana pengurusan atau regulasi emosi diperlukan oleh mahasiswa sebagai salah satu mekanisme kawalan diri. Ia merupakan kemampuan seseorang untuk mengawal perasaan yang sedang bergejolak dalam diri, untuk bersikap sentiasa jujur dalam bertindak, bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu, luwes dengan perubahan yang berlaku dan mahu menerima idea baharu dari sesiapa sahaja tanpa diiringi perasaan negatif (Murad et al., 2020).

Goleman (1998) menggariskan lima subdomain bagi Regulasi Emosi, iaitu: (1) Kawalan diri (*self control*), yang merupakan keupayaan mengawal naluri dan emosi destruktif. Melalui kawalan diri, seseorang dapat memantau perasaan dan menghalang cetusan emosi yang negatif sehingga tidak dapat dikesan orang lain. Pengawalan sendiri ini diperlukan terutama dalam situasi seperti pertengkaran atau perdebatan yang memerlukan seseorang itu berada dalam keadaan tenang. (2) Kebolehpercayaan (*trustworthiness*) merupakan keupayaan untuk mengekalkan kejujuran dan memelihara keperibadian. Seseorang yang jujur rata-rata disenangi ramai. Mereka berikhlas hati dalam komunikasi dan amanah dalam tugas. Sikap berani mengakui kesilapan sendiri dan menegur kesilapan orang lain. Mereka berpendirian walaupun tidak disenangi ramai. (3) Bertanggungjawab (*conscientiousness*) ialah sifat berkewajipan akan pencapaian peribadi. Individu ini memiliki penilaian sendiri dan sangat teliti dalam melaksanakan tugas. (4)

Penyesuaian diri (*adaptability*) terkait dengan sikap yang luwes menangani perubahan. Individu ini cekap berdepan dengan cabaran khususnya yang melibatkan perubahan yang tiba-tiba. Keanjalan ini penting bagi pembuat keputusan. Justeru, kebolehan menyesuaikan diri dalam suasana kerja yang rencam boleh membantu seseorang untuk lebih mahir. (5) Inovasi (*innovation*) melibatkan seseorang yang boleh menerima idea baharu daripada sesiapa sahaja tanpa perasaan negatif. Mereka sentiasa melihat sesuatu daripada perspektif yang berbeza dan berani mengambil risiko. Abi dan Jijo (2012) dan Ott (2022) menjelaskan bahawa pengurusan emosi secara terkawal penting dalam mencapai kejayaan. Sementara Consedine, Strongman dan Magai (2003) berpendapat bahawa individu yang mampu menguasai emosi rata-rata cerdas serta mampu mengawal segala tindakan dalam kehidupan seharian.

ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN

JADUAL 1. Latar belakang responden

Bil	Ciri Demografik	Sub Ciri	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	Lelaki	10	15.6
		Perempuan	54	84.4
2	Bangsa	Melayu	62	96.9
		Lain-lain (Bumiputera Sabah/Sarawak)	2	3.1
3	Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	62	96.9
		Ijazah Sarjana	2	3.1
4	Pekerjaan	Tidak Bekerja	64	100.0
		Bekerja	0	0
JUMLAH			64	100.0

Berdasarkan Jadual 1, sebahagian besar responden (84.4%) adalah perempuan, berbangsa Melayu (96.9%), berpendidikan Ijazah Sarjana Muda (96.9%) dan tidak bekerja (100%), iaitu semuanya masih belajar.

ANALISIS NILAI PURATA DAN SISIHAN PIAWAI ITEM KECERDASAN EMOSI DAN SPIRITUAL

Bahagian ini membincangkan nilai purata dan sisihan piawai (SP) bagi setiap dimensi yang membentuk kecerdasan emosi. Penentuan tahap ini adalah berdasarkan kepada kiraan berikut;

JADUAL 2. Tahap persepsi mengikut julat markah

Julat Markah	Tahap
1.00 – 2.33	Tahap rendah
2.34 – 3.67	Tahap sederhana
3.68 – 5.00	Tahap tinggi

Bermula dengan dimensi Kesedaran Diri, min bagi dimensi ini (Jadual 3) menunjukkan persepsi responden terhadap faktor ini berada pada tahap tinggi (min=4.58; SP=0.64). Ini menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi mahasiswa dalam konteks kesedaran diri berada pada tahap tinggi. Kesedaran diri adalah kemampuan mahasiswa untuk mengenali perasaan sendiri, berupaya menilai dengan tepat kekuatan dan kelemahan diri. Mereka mampu membina keyakinan diri dan sedar apa yang mahu dilakukan.

Goleman (1998) menggariskan tiga subdomain bagi dimensi ini, iaitu (1) Kesedaran emosi (*emotional awareness*) yang berkaitan dengan keupayaan untuk mengenal pasti emosi dan hubungannya dengan prestasi diri. Mahasiswa dengan kesedaran emosi tinggi boleh menyedari apa yang bergelora dalam diri seperti sedih, kecewa atau marah. Mereka sedar dan dapat menjangka kesan yang bakal timbul akibat daripada luahan perasaan. Mereka maklum akan nilai serta matlamat diri yang memandu dalam menilai emosi. (2) Penilaian sendiri yang tepat (*accurate self-assessment*) mengemukakan keupayaan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan diri. Individu yang tahu kekuatan dan kelemahan diri, rata-rata dapat menghargai kelebihan dan kekurangan orang lain. Justeru, dalam memperbaiki kelemahan diri, individu ini lebih bersikap terbuka dalam menerima pandangan dengan horizon baharu. Ia dianggap sebagai pembelajaran sepanjang hayat yang dilakukan untuk mengembangkan potensi diri. (3) Keyakinan diri (*self confidence*) menggambarkan keupayaan seseorang untuk menghargai dan percaya dengan kebolehan diri dalam melakukan sesuatu tugas. Individu sedemikian mempunyai nilai diri yang tinggi dan sentiasa berpegang kepada prinsip hidup. Mereka tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup orang lain dan sangat berdikari. Individu ini berani mengeluarkan pendapat walaupun mungkin tidak diterima ramai. Mereka boleh membuat keputusan yang tepat walaupun terdapat tekanan dan pandangan yang mengelirukan daripada pihak lain.

JADUAL 3. Nilai purata dan sisihan piawai bagi kesedaran diri

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B11 Saya sentiasa menjaga imej dan nama baik diri	64	1.00	5.00	4.75	.62
B12 Saya yakin dengan hasil kerja sendiri	64	3.00	5.00	4.69	.50
B13 Saya tahu kekuatan yang ada pada diri saya	64	3.00	5.00	4.67	.54
B14 Saya tahu akan kelemahan diri saya	64	1.00	5.00	4.59	.77
B15 Saya sentiasa peka terhadap tingkah laku saya	64	3.00	5.00	4.55	.64
B16 Saya selalu sedar tentang apa yang saya fikirkan	64	3.00	5.00	4.59	.66
B17 Saya selalu sedar tentang apa yang saya katakan	64	2.00	5.00	4.41	.68
B18 Saya mampu mengawal emosi	64	1.00	5.00	4.42	.75
Purata				4.58	0.65

Bagi dimensi Regulasi Emosi (pengurusan emosi) (Jadual 4), rata-rata responden turut menunjukkan persepsi pada tahap tinggi, iaitu min=4.35; SP=0.76. Penerangan tentang dimensi ini dibincangkan di awal artikel. Jadual 4 menunjukkan setiap item yang membentuk dimensi ini berada pada tahap tinggi dengan min di antara 4.0 – 4.5. Trend yang mirip ditunjukkan dimensi lain, iaitu motivasi diri (min=4.46, SP=0.61 - Jadual 5); empati (min=4.43, SP=0.67 - Jadual 6), kemahiran sosial (min=4.40, SP=0.70 - Jadual 7); kerohanian (min=4.61, SP=0.59 - Jadual 8) dan kematangan (min=4.31, SP=0.73 - Jadual 9).

Motivasi Diri ialah kecenderungan emosi membimbing untuk mencapai sesuatu matlamat. Ia menggerakkan individu bersemangat, beriltizam mencapai matlamat, proaktif dan sentiasa merebut peluang walau dengan pelbagai rintangan. Dimensi ini terdiri daripada empat subdomain, iaitu (1) Dorongan pencapaian (*achievement drive*) dengan semangat meletakkan sasaran yang mencabar dengan risiko tertentu. Individu berusaha menimba maklumat untuk mengurangkan ketidakpastian

dan mencari jalan untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik. Mereka sentiasa belajar pelbagai cara untuk meningkatkan prestasi. (2) Komitmen (*commitment*) pula mensejajarkan matlamat diri dengan apa yang mahu dicapai organisasi. Individu sanggup berkorban demi mencapai matlamat yang lebih besar, iaitu matlamat organisasi. Individu juga sanggup mencari makna (*sense of purpose*) dalam misi yang lebih besar. (3) Inisiatif (*initiative*), pada satu pihak lain memperlihatkan sikap proaktif individu dan selalu bersedia merebut peluang. Mereka melaksanakan tugas melebihi matlamat yang ditetapkan. Mereka berupaya dengan semangat berpasukan. (4) Optimis (*optimist*) menampilkan individu yang positif melihat hidup dari sudut “harapan untuk berjaya” dan bukannya dari sudut “kemungkinan untuk gagal.” Mereka lebih melihat masalah sebagai pemangkin kejayaan, sebaliknya bukan kelemahan peribadi. Kualiti mereka adalah tekal dan cekal dalam misi.

Empati asasnya merujuk keprihatinan perasaan orang lain. Sifat ini mampu mengesan perasaan dan keperluan orang lain, malah membantu mengembangkan potensi. Dimensi empati ini mempunyai lima subdomain, iaitu (1) Memahami orang lain (*understanding others*), iaitu kebolehan mengerti perasaan orang lain, serta menunjukkan minat yang mendalam atas kehendak dan masalah yang dihadapi mereka. Kebolehan ini juga merangkumi sikap memberi perhatian dan mahu mendengar secara aktif. Individu ini bersiap dengan sikap membantu. (2) Mengembangkan potensi orang lain (*developing others*) menampilkan sikap memperaku dan memberi ganjaran akan pencapaian orang lain. Mereka merupakan pembimbing dalam membentuk kemahiran diri. Kebolehan ini adalah salah satu daripada pendekatan kepemimpinan yang efektif (Goleman, Boyatzis & McKee 2002). (3) Berorientasikan perkhidmatan (*service orientation*), individu mampu menjangka, mengenal pasti dan memenuhi keperluan pelanggan. (4) Mencungkil kepelbagaian (*leveraging diversity*) pula mendorong seseorang menghormati dan membina hubungan baik walau dalam persekitaran yang beragam. Seseorang perlu menghakis *bias* dan memupuk toleransi. (5) Kesedaran politik (*political awareness*) memerihalkan keupayaan membaca emosi dalam memahami realiti dalaman dan luaran organisasi.

Dimensi Kemahiran Sosial pula adalah kecerdasan emosi yang mencetuskan respons sepertimana yang dikehendaki. Menggunakan cara yang efektif untuk memujuk, individu sebegini yakin bagi menerima dan menyampaikan perutusan, malah menyelesaikan konflik dengan baik. Terdapat lapan subdomain, iaitu (1) Pengaruh (*influence*) yang membentangkan kemahiran dalam mempengaruhi serta menyampaikan idea secara halus bagi menarik perhatian. Strategi ini menggunakan aneka cara seperti pengaruh tidak langsung untuk kesepakatan dan sokongan. (2) Komunikasi (*communication*), merujuk kepada kebolehan mendengar secara terbuka dan menyampaikan perutusan dengan yakin. Individu yang mempunyai kemahiran berkomunikasi ini berkesan dalam bertolak ansur dan menyampaikan tanda emosi sejajar dengan perutusan. Mereka gemar berterus terang dalam isu yang rumit, mendengar secara aktif, saling memahami dan mengalu-alukan pendapat. Mereka juga sentiasa menggalakkan komunikasi terbuka dan setia mendengar berita buruk dan baik. (3) Pengurusan konflik (*conflict management*) merujuk kebolehan berunding dan menyelesaikan pertikaian. Seseorang yang berkemahiran dalam pengurusan konflik boleh menangani suasana sukar dengan bijaksana. Mereka juga boleh mengesan punca konflik, menyelesaikan percanggahan pendapat secara terbuka dan membantu meredakannya.

(4) Kepimpinan (*leadership*), merujuk pihak yang memberi inspirasi serta bimbingan. Pemimpin yang baik dapat membangkitkan keghairahan mencapai misi dan visi yang dirangka bersama. Mereka berada di garis hadapan dengan pertanggungjawaban terhadap ahli kumpulan. (5) Pemangkin perubahan (*change catalyst*), merupakan individu yang memulakan perbaikan

dalam organisasi. Mereka cekap untuk berubah dan berusaha menyingkirkan halangan secara kolaborasi (Connors, 2020).

(6) Membina hubungan (*building bonds*), adalah sikap membangunkan hubungan yang bermakna dalam sebuah organisasi. Seseorang perlu memupuk dan mengukuhkan jaringan yang saling memberi faedah. (7) Kolaborasi dan kerjasama (*collaboration and cooperation*), pula adalah bentuk pemuafakatan demi mencapai matlamat. Mereka memiliki kesepakatan, berbahagi perancangan, maklumat dan sumber serta mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan mesra. Individu ini juga boleh mengesan dan memupuk peluang bekerjasama. (8) Keupayaan berpasukan (*team capabilities*) adalah kebolehan mewujudkan sinergi berkumpulan. Seorang pemimpin perlu membawa ahli kumpulan bersemangat dalam membina jati diri, iltizam serta memelihara reputasi (Tambak et al., 2020).

Dimensi Kerohanian menggambarkan beberapa perkara seperti reda, rasa tanggungjawab kepada pencipta serta kebolehan menghayati nilai-nilai agama (Noriah et al., 2004). Keredaan didefinisikan sebagai kebolehan menerima peraturan yang digariskan agama dengan tulus. Kualiti ini memberi semangat kepada individu untuk terus bekerja. Ia antara lain membawa seseorang yang sentiasa aktif bekerja untuk memenuhi tanggungjawab sebagai seorang manusia kepada penciptanya dan dapat membina aras keyakinan/kerohanian yang tinggi. Untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut, seseorang itu perlu sentiasa berkomunikasi dengan penciptanya, dan pada masa yang sama mereka juga perlu menguasai pelbagai ilmu pengetahuan bagi memenuhi tuntutan rohani. Dalam mengamalkan nilai-nilai agama, seseorang itu sentiasa akan melakukan penaaakulan sebelum bertindak. Kekuatan kerohanian dikaitkan dengan kebolehan seseorang untuk bersabar dan berikhlas dalam melaksanakan tanggungjawab. Seseorang yang mempunyai kekuatan rohani akan mudah mengawal ragam kesukaran dan permasalahan hidup, sehingga dapat dikatakan bahawa kerohanian merupakan domain utama dalam pembentukan kecerdasan emosi seseorang (Noriah et al., 2004).

Kematangan merupakan dimensi terakhir dalam Model Kecerdasan Emosi Goleman-Noriah. Noriah et al. (2004) melihat kematangan daripada tiga aspek, iaitu Pertama, peningkatan ilmu pengetahuan, kedua, umur, dan ketiga adalah pengalaman seseorang; serta kesannya ke atas kecerdasan emosi. Dari aspek peningkatan ilmu pengetahuan, ia boleh membantu seseorang menumbuhkan kematangan diri. Pengetahuan boleh diperolehi sama ada melalui pembelajaran secara formal, iaitu hasil daripada latihan dalam atau sebelum perkhidmatan atau secara tidak formal. Bagaimanapun, kebanyakan pembelajaran berlaku dalam keadaan tidak formal. Individu yang boleh menyerap ilmu pengetahuan secara tidak formal dan menggunakannya dalam kehidupan peribadi atau pekerjaannya secara berkesan akan dapat meningkatkan kecerdasan emosi (Noriah et al., 2004). Kedua, kematangan rata-rata menanjak dengan usia. Kematangan diwakili kemampuan seseorang mengendalikan tingkah laku apabila usia bertambah. Peningkatan usia tersebut membantu melakukan refleksi diri dan memperbaiki kelemahan. Ketiga, pengalaman positif dapat mengendalikan emosi dengan baik di tempat kerja. Kematangan seseorang juga dapat dilihat melalui kemampuan untuk belajar daripada pengalaman. Menurut kajian yang dilakukan Noriah et al. (2004), pengalaman hidup berkorelasi positif serta mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang. Ia turut bermaksud pengalaman sebagai kemahiran individu menyelesaikan masalah atau membuat keputusan yang tepat dan bijaksana. Maka kematangan adalah kebolehan individu menyelesaikan masalah atau membuat keputusan berpandukan pemikiran rasional.

Setiap dimensi kecerdasan emosi yang dibincangkan, menunjukkan kecerdasan emosi mahasiswa berada pada tahap tinggi termasuklah regulasi emosi (pengurusan emosi) mereka. Ini

menunjukkan bahawa mahasiswa seharusnya tidak mempunyai masalah dalam menguruskan emosi mereka. Kecerdasan emosi mereka berada pada tahap yang baik.

JADUAL 4. Nilai purata dan sisihan piawai bagi regulasi/pengurusan emosi

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B29 Saya bijak mengurus tekanan yang saya hadapi	64	1.00	5.00	4.42	0.75
B210 Saya sentiasa positif dalam apa jua keadaan	64	2.00	5.00	4.31	0.79
B211 Saya dapat mengendalikan emosi dengan baik	64	2.00	5.00	4.38	0.74
B212 Saya bijak mengadaptasi keadaan sekeliling	64	2.00	5.00	4.38	0.70
B213 Saya berpengetahuan tinggi dalam bidang kerja saya	64	1.00	5.00	4.03	1.02
B214 Saya memahami akibat daripada setiap tindakan saya	64	2.00	5.00	4.50	0.78
B215 Saya boleh menanggukkan perasaan negatif ketika bekerja	64	3.00	5.00	4.44	0.64
B216 Saya boleh menepis masalah yang ada bagi mendapatkan kejernihan fikiran dalam kerja	64	3.00	5.00	4.38	0.68
Purata				4.35	0.76

JADUAL 5. Min dan sisihan piawai bagi motivasi diri

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B317 Saya berfikiran positif semasa melakukan tugas	64	3.00	5.00	4.45	.64
B318 Saya selalu pastikan matlamat saya tercapai	64	3.00	5.00	4.55	.59
B319 Saya bertindak secara efektif	64	3.00	5.00	4.44	.69
B320 Saya berkemampuan membangkitkan semangat diri	64	3.00	5.00	4.52	.67
B321 Saya seorang yang mempunyai sifat kepimpinan	64	3.00	5.00	4.30	.75
B322 Saya sering bertenaga bagi mencapai keadaan yang lebih baik	64	3.00	5.00	4.48	.67
B323 Saya dapat bertahan menghadapi kegagalan dan kekecewaan	64	3.00	5.00	4.47	.71
B324 Saya tidak mudah berputus asa	64	3.00	5.00	4.61	.58
B325 Saya sentiasa percaya kebolehan diri sendiri	64	3.00	5.00	4.52	.64
B326 Saya suka kepada tugas yang mencabar	64	2.00	5.00	4.30	.79
B327 Saya pastikan diri saya dapat mencapai matlamat kerja	64	3.00	5.00	4.53	.62
B328 Saya sering mencabar diri untuk dapatkan apa yang saya inginkan	64	3.00	5.00	4.42	.71
Valid N (listwise)	64			4.46	0.61
Purata					

JADUAL 6. Nilai purata dan sisihan piawai bagi empati

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B429 Saya mampu melihat orang lain daripada perspektif sendiri	64	3.00	5.00	4.45	.64
B430 Saya dapat memahami situasi di tempat kerja	64	1.00	5.00	4.41	.73
B431 Saya menyedari perasaan orang lain	64	3.00	5.00	4.39	.70
B432 Saya menyedari keperluan orang lain	64	3.00	5.00	4.38	.65
B433 Saya menyedari kehendak orang lain	64	3.00	5.00	4.36	.68
B434 Saya sering membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi rakan sekerja	64	3.00	5.00	4.41	.64
B435 Saya mudah memaafkan sekiranya berkonflik dengan orang lain	64	2.00	5.00	4.34	.80
B436 Saya dapat memahami masalah yang dirasakan oleh orang lain	64	3.00	5.00	4.42	.71
B437 Saya sentiasa mendengar masalah rakan sekerja	64	3.00	5.00	4.38	.70
B438 Saya turut memahami sudut pandang orang lain dari perspektif mereka	64	3.00	5.00	4.39	.63
B439 Saya sangat mementingkan bentuk hubungan harmonis dengan orang lain	64	2.00	5.00	4.43	.71
B440 Saya sangat mementingkan bentuk hubungan harmoni dengan organisasi	64	3.00	5.00	4.56	.56
B441 Saya sangat mementingkan bentuk hubungan harmoni dengan masyarakat	64	3.00	5.00	4.51	.64
B442 Saya bekerja secara profesional	64	3.00	5.00	4.51	.61
B443 Saya ketepikan unsur emosi ketika melaksanakan tugas	64	3.00	5.00	4.50	.62
Purata	64			4.43	.62

Jadual 7: Nilai purata dan sisihan piawai bagi kemahiran sosial

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B544 Sata selesa bergaul dengan orang lain	64	2.00	5.00	4.39	.73
B545 Saya mampu menangani emosi ketika berinteraksi dengan orang lain	64	2.00	5.00	4.41	.71
B546 Saya mampu mempertahankan hubungan bersama dengan orang lain	64	3.00	5.00	4.47	.67
B547 Saya mampu mempengaruhi orang lain	64	1.00	5.00	4.14	.89
B548 Saya boleh memimpin orang lain	64	2.00	5.00	4.25	.80
B549 Saya boleh bermesyuarat bersama orang lain	64	3.00	5.00	4.50	.67
B550 Saya boleh menyelesaikan perselisihan dalam kumpulan	64	2.00	5.00	4.34	.74
B551 Saya sentiasa dapat mewujudkan hubungan sosial yang baik dalam organisasi	64	3.00	5.00	4.45	.69
B552 Saya mempunyai kemahiran mencetuskan respons yang dikehendaki orang lain	64	2.00	5.00	4.20	.80
B553 Saya tahu kemahiran sosial yang rendah memberi kesan kepada suasana kerja	64	2.00	5.00	4.45	.69
B554 Saya tahu keterampilan dalam berkomunikasi penting dalam membina hubungan sosial	64	2.00	5.00	4.45	.73
B555 Komunikasi merupakan kemahiran sosial yang sangat penting dalam hubungan sosial	64	3.00	5.00	4.53	.62

B556 Saya menggunakan cara berhemah bagi menyelesaikan konflik dengan baik	64	2.00	5.00	4.48	.64
B557 Saya tahu menggunakan cara efektif ketika berinteraksi dengan orang lain	64	3.00	5.00	4.45	.59
B558 Saya akan menegur kesalahan orang lain dengan cara yang baik	64	3.00	5.00	4.47	.62
				4.40	0.70
Purata	64				

JADUAL 8. Nilai purata dan sisihan piawai bagi kerohanian/spiritual

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B659 Saya selalu meningkatkan kualiti ibadah	64	3.00	5.00	4.53	.69
B660 Saya sentiasa mengingati Tuhan ketika bekerja	64	3.00	5.00	4.58	.61
B661 Saya sentiasa bermuhasabah diri dan mematuhi peraturan agama	64	3.00	5.00	4.60	.61
B662 Matlamat hidup saya ialah untuk mendapatkan keredaan Tuhan	64	3.00	5.00	4.69	.53
B663 Saya sedar rasa tanggungjawab kepada Tuhan	64	3.00	5.00	4.70	.55
B664 Saya percaya nilai kerohanian adalah kebolehan menghayati nilai agama	64	3.00	5.00	4.77	.46
B665 Saya sentiasa mengerjakan semua perintah agama	64	3.00	5.00	4.55	.64
B666 Saya sentiasa menjauhkan diri dari larangan agama	64	2.00	5.00	4.52	.71
				4.61	0.60
Purata	64				

JADUAL 9. Nilai purata dan sisihan piawai bagi kematangan

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
B767 Pada saya, maksud kematangan ialah kebolehan mengaplikasi ilmu pengetahuan	64	3.00	5.00	4.52	.59
B768 Pada saya, maksud kematangan ialah umur yang telah meningkat	64	1.00	5.00	3.53	1.36
B769 Pada saya, maksud kematangan ialah punya pengalaman hidup yang banyak	64	2.00	5.00	4.28	.81
B770 Saya mempunyai kecerdasan dalam mengendalikan sesuatu keadaan yang rumit	64	3.00	5.00	4.33	.74
B771 Saya percaya kematangan merupakan kemahiran individu dalam menyelesaikan masalah	64	3.00	5.00	4.59	.56
B772 Saya mampu membuat keputusan yang tepat dan bijaksana	64	3.00	5.00	4.36	.63
B773 Saya mampu memastikan diri saya benar dalam memutuskan sesuatu perkara	64	2.00	5.00	4.34	.74
B774 Saya cepat memahami tekanan keadaan yang berlaku di sekeliling saya	64	3.00	5.00	4.37	.63
B775 Saya mampu mengendalikan diri dengan bersikap dewasa ketika menghadapi pergolakan	64	3.00	5.00	4.53	.6164
				4.32	1
					0.76
Purata	64				

Jadual 8 membentangkan kecerdasan kerohanian/spiritual yang rata-rata berada pada tahap min 4.5 ke atas; menunjukkan bahawa tahap kecerdasan spiritual bagi semua responden berada pada aras yang tinggi. Oleh kerana kedua-dua kecerdasan (emosi dan spiritual) berada pada tahap yang memuaskan, maka ujian korelasi dijalankan bagi menentukan hubungan signifikan antara keduanya dan sejauh mana tinggi kekuatan hubungan antara pemboleh ubah ini.

JADUAL 10. Analisis korelasi antara skor keseluruhan kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual

Pemboleh ubah	N	KE	KS
Kecerdasan Emosi (KE)	64	1.00	.85**
Kecerdasan Spiritual (KS)	64	.85**	1.00

JADUAL 11. Analisis korelasi antara domain kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual

Kecerdasan Emosi	N	Kecerdasan Spiritual	Kesignifikanan
Kesedaran sendiri (KK)	64	.58**	.00
Pengurusan emosi (PE)	64	.76**	.00
Motivasi (M)	64	.77**	.00
Empati (E)	64	.73**	.00
Kemahiran sosial (KO)	64	.78**	.00
Kematangan (KM)	64	.69**	.00

Analisis korelasi kecerdasan emosi (gabungan kesemua dimensi kecerdasan emosi) dengan kecerdasan spiritual menunjukkan hubungan yang signifikan positif dan kuat. Hal ini dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi kecerdasan spiritual maka semakin tinggi juga kecerdasan emosi seseorang. Hubungan kecerdasan tersebut adalah sangat kuat iaitu $r=0.85$; $p<0.01$. Ini berdasarkan tafsiran hubungan korelasi *Guilford Rule of Thumb*, iaitu:

JADUAL 12. Pengukuran *Guilford's Rule of Thumb*

Kekuatan Hubungan	Tafsiran
Kurang daripada 0.20	Hampir tidak wujud hubungan
Antara 0.20 hingga 0.40	Hubungan yang lemah
Antara 0.40 hingga 0.70	Hubungan sederhana
Antara 0.70 hingga 0.90	Hubungan kuat atau tinggi
Lebih daripada 0.90	Hubungan sangat kuat atau sangat tinggi

Sumber: Ghafar 1999

Berdasarkan Jadual 11, kesemua dimensi kecerdasan emosi mempunyai hubungan signifikan yang positif dan kuat dengan kecerdasan spiritual kecuali dimensi kesedaran diri dan kematangan; masing-masing menunjukkan kekuatan hubungan yang sederhana tetapi signifikan. Dapatan analisis korelasi ini adalah sepadan dengan analisis deskriptif min ke atas kedua-dua pemboleh ubah tersebut, iaitu kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual saling berhubung dan mempunyai keterkaitan yang kukuh. Justeru, hasil kajian ini menyimpulkan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi, juga memberi kesan yang sama ke atas kecerdasan emosi, mahupun sebaliknya.

Dapatan kuantitatif ini dihuraikan bersama-sama dengan kecenderungan yang dipersembahkan responden kajian terhadap cerpen yang mereka hasilkan dan analisis kepengarangan lapan sasterawan yang ditumpukan. Pemerhatian dilakukan dalam memantau, sejauh mana mahasiswa mampu membentuk watak-watak dalam karangan cerpen mereka dengan kecerdasan emosi termasuk regulasi emosi dan spiritual yang tinggi. Ia dikesani apabila diri mereka sendiri mempunyai tahap kecerdasan yang memuaskan bagi kedua-dua aspek emosi dan spiritual.

Salah sebuah cerpen yang dikemukakan peserta, Kaisah Nabilah Yusni berjudul “Tangisan Burung dari Syurga.” Penulis menampilkan dua watak bersaudara, iaitu Nalar dan Kartika, sedang merawat ibu mereka yang terbaring sakit. Sebagai peserta bengkel dan penulis cerpen, Kaisah Nabilah Yusni menerapkan unsur kecerdasan emosi yang teradun dalam himpunan rasa empati, belas dan kasih terhadap ibu kedua-dua watak dengan usaha mendapatkan penawar, iaitu airmata burung cenderawasih. Spesies unggas seperti cenderawasih pernah ditanggap sebagai “burung syurga” kerana keistimewaan, keindahan, kesaktian dan kelangkaannya. Selari dengan pandangan Goleman (1998) bahawa kesedaran emosi Nalar menyelamatkan nyawa ibunya diwajarkan dengan pemilihan “cenderawasih”, iaitu lambang kasih antara ibu dengan anak. “Syurga” yang terkait dengan cenderawasih juga merupakan asosiasi yang kuat dengan “ibu” seperti hadith riwayat Anas bin Malik “syurga di telapak kaki ibu” (HR. Ahmad, Nasai, Ibnu Majah). Ia mengarah terhadap ketegasan ajaran Islam akan amalan berbakti kepada ibu bapa bagi mendapat keredaan Allah. Ia sepertimana juga dinyatakan dalam al Qur’an Surah Al-Isra’ (17:23) bahawa “Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan ‘ah’ dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.” Huraian lanjut cerpen yang dihasilkan Kaisah Nabilah Yusni ini adalah memenuhi dapatan kuantitatif terhadap kesalingan yang ada antara kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual. Cerpen ini diterbitkan dalam *Dewan Siswa* edisi Julai 2024.

Dalam kelompok responden yang mengkaji cerpen lapan sasterawan, mereka dibekalkan dengan beberapa bahan bacaan tentang kecerdasan emosi dan spiritual. Kursus SKMM1043 Cerpen Melayu turut mengundang Dr Suzana Mohd Hoesni dan Dr Maizatul Haizan Mahbob masing-masing memberikan syarahan khusus tentang kedua-dua topik tumpuan ini. Beberapa artikel yang ditelaah para mahasiswa misalnya tulisan Memahami “Kecerdasan Emosional dan Spiritual Melalui Lensa Islam” oleh Fadila Elma Ramadhani dan Khusnul Khotimah (2023); “Iman Kepada Allah sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim” oleh Suriani Sudi et al., (2020), dan “Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Akademik Pelajar Sarjana” oleh Mayurie Phutharat Surin, Shahlan Surat (2021).

Tugasan yang diberikan kepada lapan kumpulan mahasiswa itu adalah mereka menganalisis muatan kecerdasan emosi dan spiritual dalam cerpen para pengarang yang dipilih. Mereka mengenalpasti cerpen yang cenderung mengangkat dua bentuk kecerdasan itu. Pemberat penilaian adalah melalui satu tugas esei yang dibentangkan bersama-sama satu video youtube pendek perihal tokoh. Misalnya melalui kajian terhadap tokoh penulis mutakhir, Fadh Razy, mahasiswa menghasilkan esei yang diberi judul “Analisis Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual dalam Cerpen “Cinta Menyala di Constantinople” Karya Fahd Razy.” Pelajar memaklumkan pengetahuan mereka tentang definisi “kecerdasan emosi” dengan memetik pandangan Goleman (2007). Seterusnya dalam menghayati cerpen Fahd Razy, “Cinta Menyala di Constantinople” apa yang ditemukan pelajar adalah antara kecerdasan emosi seperti cinta yang dipadankan dengan kecerdasan spiritual. Mereka dapat menampilkan tanggapan watak-watak cerpen tentang falsafah dan manifestasi cinta yang melangkaui sempadan kemanusiaan. Belahan kerohanian juga menggenapkan rasa yang terikat antara dua watak kekasih, iaitu Natalya-Leonidas. Rata-rata mahasiswa memahami keperluan bagi mempunyai paduan kecerdasan emosi dan spiritual, malah menerusi kekuatan bahasa pengarang mereka memperakukan tuntutan untuk turut memperdalam kecerdasan intelektual.

KESIMPULAN

Kajian ini antara lain mahu mengenalpasti kebolehan remaja yang diwakili mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai responden, untuk memahami konsep kecerdasan emosi dan spiritual. Ia diperlukan untuk mereka menangani pelbagai cabaran semasa yang terhubung dengan permasalahan emosi dan jiwa. Rata-rata sarjana dan pengkaji bersetuju bahawa kecerdasan spiritual dapat memberi kesaksamaan dalam tindakan remaja membuat keputusan. Kecerdasan rohani ini dilihat sebagai satu neraca untuk mengawal dan menuntun pemikiran dan gerak sosial mereka. Kajian ini menjadikan wadah penulisan kreatif dalam genre cerpen yang ditanggap sebagai peralatan seni dalam mengukur nurani. Remaja yang menulis dan membaca hasil kesusasteraan kebanyakan menjalani proses penataan emosi yang lebih lunak. Dapatan kajian juga dibuktikan berdasarkan edaran soal selidik yang memaparkan hubungan yang wajar dan bermakna antara keperluan kecerdasan emosi dan spiritual dengan pemaknaan regulasi emosi. Menariknya, ia mengarah pembentukan kemahiran mencipta watak, latar, plot, sudut pandang dan gaya bahasa yang dapat menyalurkan emosi yang baik dan mampu menilai semula konflik yang dibangunkan dalam narasi sesebuah cerpen.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang membiayai penyelidikan ini di bawah Geran Kecil Penyelidikan SK 2024 017.

RUJUKAN

- Abi E & Jijo G. 2012. Emotional intelligence and job satisfaction: A correlational study. *The International Journal's Research Journal of Commerce and Behavioural Science*, 1(4): 37-42.
- Agustriani, D., & Fauziyah, L. A. 2022. Pengembangan Kecerdasan Emosi dan Spiritual Menuju Insan Kamil Perspektif Ary Ginanjar Agustian. *Happiness: Journal of Psychology and Islamic Science*, 6(2): 121-136.
- Akbari, M., & Hossaini, S. M. 2018. The relationship of spiritual health with quality of life, mental health, and burnout: The mediating role of emotional regulation. *Iranian Journal of Psychiatry*, 13(1): 22.
- Anish Yusrie Mohd Khairul, Mohammad Rahim Kamaluddin, Chong Sheau Tsuey Tsuey, Mohd Suhaimi Mohamad, Nasrudin Subhi, Manisah Mohd Ali, Marhani Midin, Fairuz Nazri Abdul Rahman. 2022. Prevalens dan Tekanan Psikologikal dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah yang Mencederakan Diri Tanpa Niat Membunuh Diri di Negeri Selangor. *Akademika*, 92(2): 35-46.
- Ary Ginanjar Agustian. 2001. *Rahsia sukses membangun ESQ Power*. Jakarta: PT Arga Tilanta.
- Castillo, Yuleinys A., Fischer, Jerome M., Davila, Sarah. 2019. Managing Emotions: Relationships among Expressive Writing and Emotional Intelligence. *Integrated Research Advances*. 6(1): 1-8.
- Connors, C. D. 2020. *Emotional intelligence for the modern leader: A guide to cultivating effective leadership and organizations*. New York: Per Capita Pub.
- Consedine, N., Strongman, K., & Magai, C. 2003. Emotions and behaviour: Data from a cross-cultural recognition study. *Cognition and Emotion*, 17(6): 881-902.

- Dumontheil, I. 2016. Adolescent brain development. *Current opinion in behavioral sciences*, 10: 39-44.
- Fadila Elma Ramadhani & Khusnul Khotimah. 2023. Memahami Kecerdasan Emosional dan Spiritual Melalui Lensa Islam. *Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, Vol. 1, No. 2 Disember: 1-17.
- Farah Hamizah Samsuddin & Haziyah Hussin. 2023. Pendidikan soiritual untuk anak jalanan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur. *Akademika*, 93(2): 75-88.
- Ghafar-Tabrizi, R. 1999. Reversal Theory and Emotional Processes in Mother-Daughter Dyadic Interactions. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Tasmania, Australia.
- Gim, C. S., & Nor, R. M. 2012. Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan perilaku dan prestasi akademik pelajar sekolah menengah di Bachok, Kelantan. *Akademika*, 82(2): 109-118.
- Goleman, D. 1998. *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D., Boyatzis, R., & McKee, A. 2002. The emotional reality of teams. *Journal of Organizational Excellence*, 21(2): 55-65.
- Hani, Nasipho. 2024. *Healing Through Literature*. Cape Town: Bookarazzi Bookclub.
- Hawkins, David R. 2014. *Power vs. Force: The Hidden Determinants of Human Behavior*. Arizona: Veritas Publishing.
- Hezzrin Mohd Pauzi, Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @ Ku Senin. 2023. Kemahiran Pemulihan Akhlak Pelaksana Pemulihan Akhlak Juvana di Malaysia. *Akademika*, 93(2): 17-27.
- Kaisah Nabilah Yusni. 2024. "Tangisan Burung dari Syurga", *Dewan Siswa*, Julai: 46-49.
- Mahmoodi, F., Sadeghi, F., & Jamal Omid, M. 2017. The role of spiritual attitude in predicting cognitive emotion regulation strategies in students. *Journal of Religion and Health*, 5(1): 51-60.
- Muhammad Nor Sahfiq Amran, Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Rasa Emosi Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*. *Jurnal Melayu*, 20 (2): 267-281.
- Mawar Safei. 2021. *Himpunan dan Ulasan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Safei & Kamariah Kamarudin 2021. *Apabila Profesional Menulis: Titik Temu Sastera dan Sains*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mayurie Phutharat Surin, Shahlan Surat. 2021. Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Akademik Pelajar Sarjana. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8): 236-248.
- Morris, A. S., Criss, M. M., Silk, J. S., & Houlberg, B. J. 2017. The impact of parenting on emotion regulation during childhood and adolescence. *Child development perspectives*, 11(4): 233-238.
- Fatin Adha Murad, Mohammad Rahim Kamaluddin, Norruzeyati Che Mohd Nasir. 2020. Hubungan kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Perapatan kepada komuniti sebagai perantara. *Akademika*, 90(2): 3-16.
- Nazira Sadiron, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Norruzeyati Che Mohd Nasir, Rozainee Khairudin. 2023. Faktor Psikologi dan Keperahan Penagihan Dadah dalam Kalangan Penagih Dadah di Semananjung Malaysia. *Akademika*, 93(2): 3-16.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahayah & Syed Najamuddin Syed Hassan. 2004. Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja Dan Prestasi Kerja di Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara. *Jurnal Teknologi*. 39(E): 75-82.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Maizatul Haizan Mahbob. 2021. Keterampilan peribadi pelajar sebagai satu bentuk kemahiran komunikasi dan kepentingannya dalam pasaran dunia pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 37(1): 209-226.

- Ott, A. N. 2022. Effects of Emotion on Responsiveness to Environments (Master's thesis, University of Connecticut).
- Peña-Sarrionandia, A., Mikolajczak, M., & Gross, J. J. 2015. Integrating emotion regulation and emotional intelligence traditions: a meta-analysis. *Frontiers in psychology*, 6: 160.
- Puspitoningrum, Encil, Rosa Imani Khan, Daniel Swanjaya. 2024. Creative Writing as an Effort to Improve Children's Emotional Intelligence. *Qubahan Academic Journal*. Vol. 4(3): 1-13.
- Santrock, J. W. 2022. *Essentials of life-span development* (7th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Shariffah Hanim Syed Ismail & Maizatul Haizan Mahbob. 2023. Kepentingan kecerdasan emosi dan pengaruhnya ke atas komunikasi berkesan kakitangan agensi penguatkuasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 39(4): 202-223.
- Sumbula, M. K. A., & Pahlawati, E. F. 2022. Kecerdasan Emosional Dan Kecerdasan Spiritual Menurut Dr. Ary Ginanjar Agustian. *Jurnal Studi Keagamaan, Sosial dan Budaya*, 7(2): 260-272.
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. 2020. Iman Kepada Allah sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim. e-Proceeding of The 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAH 2020) 21-24 Februari. Hotel Ibis Malioboro, Jogjakarta. Indonesia. e-ISBN e978-967-2122-86-9
- Vishkin, A., Ben-Nun Bloom, P., Schwartz, S. H., Solak, N., & Tamir, M. 2019. Religiosity and emotion regulation. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 50(9): 1050-1074.

Mawar Safei (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: mawar.safei@ukm.edu.my

Maizatul Haizan Mahbob
Pusat Kajian Media dan Komunikasi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: maiza@ukm.edu.my

Suzana Mohd Hoesni
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: smh@ukm.edu.my